

10 September 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi FGVP (M) Sdn Bhd – Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladang, Kota Tinggi, Johor, Malaysia

FGVP (M) Sdn Bhd telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 1 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kota Tinggi, Johor, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Kilang Kelapa Sawit Waha pada 16 & 17 Oktober 2018. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladang	
Nama unit pengurusan	Kilang Kelapa Sawit Waha
Alamat lokasi	81907 Kota Tinggi, Johor
Ladang	Ladang Bukit Aping Selatan
Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	1,142.65 ha
Standard yang digunakan	MS 2530-3:2013 & MS 2530-4:2013 boleh dibeli secara atas talian di (http://www.msonline.gov.my/catalog.php)

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

Puan Elzy Ovktafia Binti Chairul sebagai Ketua Juruaudit (Aspek undang-undang, Biodiversiti, Sosial & Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran) dan **En Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai Juruaudit (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, GHG, Alam Sekitar, Aspek Undang-Undang, Sosial)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian baik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

En. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

Mr Norazam Abdul Hameed
Senior General Manager
FELDA Global Ventures Plantations (M) Sdn Bhd
Menara FELDA Platinum Park
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603-2698 7816
Email : norazam.ah@feldaglobal.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Operasi